

Headline	Jangan jual tanah Tabung Haji di TRX		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	23 Jun 2015	Color	Full Color
Section	Dlm Negeri	Circulation	178,211
Page No	14	Readership	534,633
Language	Malay	ArticleSize	164 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,241
Frequency	Daily	PR Value	RM 9,724



# Jangan jual tanah Tabung Haji di TRX

**KUALA LUMPUR 22 Jun** - Kerajaan sekali lagi didesak mengkaji balik hasrat Lembaga Tabung Haji (Tabung Haji) untuk menjual tanahnya yang terletak di pusat kewangan, Tun Razak Exchange (TRX) kerana mempunyai potensi pelaburan yang sangat tinggi dan menguntungkan.

Senator Datuk Dr. Asyraf Wajdi Dusuki berkata, aset tersebut perlu dipertahankan kerana harga tanah di TRX dijangka terus meningkat terutama selepas pembangunan di segi tiga emas itu disiapkan dan dilengkapi dengan pelbagai infrastruktur serta prasarana moden.

Menurut beliau, tanah berkenaan juga melambangkan pemilikan aset oleh orang Melayu dan Islam di kawasan hartanah paling bernilai di negara ini memandangkan Tabung Haji merupakan insti-

tusi yang mewakili kaum itu.

"Kalau mengharapkan syarikat individu milik Melayu, saya rasa 20 tahun akan datang pun tiada orang Melayu akan memiliki tanah di situ, sekarang ada institusi yang mewakili Melayu dan Islam. Jadi, perlu untuk kita menjaga kepentingan tanah itu yang dibeli pada harga lebih murah berbanding yang dibayar syarikat lain.

"Isu ini sebenarnya dipolitikkan sehingga Tabung Haji mahu jual balik tanah. Seolah-olah Tabung Haji mahu menyelamatkan 1Malaysia Development Berhad (1MDB) walhal ini tidak masuk akal kerana hutang 1MDB adalah RM42 bilion sedangkan tanah itu dibeli pada harga RM188.5 juta," katanya.

Beliau berkata demikian ketika membahaskan Usul Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dalam sidang Dewan Negara hari ini.

Asyraf Wajdi berkata, seiring dengan hasrat menjadikan TRX sebagai hab kewangan Islam global, maka pelaburan Tabung Haji di situ sangat bertepatan bagi menunjukkan kepada dunia bahawa institusi Islam itu juga mampu berjaya dalam bidang kewangan Islam.

Menurutnya, aset berkenaan akan turut menyumbang kepada pertambahan jumlah tanah dimiliki bumiputera di negara ini yang hanya tinggal 12 peratus berbanding sasaran yang pernah ditetapkan raja-raja Melayu suatu ketika dulu iaitu sebanyak 50 peratus.

"Apa sudah jadi kepada sasaran untuk memperkasa pemilikan bumiputera terhadap tanah-tanah di negara ini yang tinggal 12 peratus kerana banyak tanah telah diambil tetapi tidak diganti balik.

"Kita tidak mahu akhirnya nanti tanah di TRX juga dikuasai oleh orang lain tanpa satu pun dimiliki orang Melayu, sekangkang kera pun tidak ada yang menjadi milik orang Islam kerana telah dijual dan dipolitikkan," tegas beliau.



**ASYRAF WAJDI DUSUKI**